

**PANDEMIK COVID 19: CABARAN DALAM PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DAN PEMBELAJARAN MURID PRASEKOLAH**

**COVID PANDEMIC 19: CHALLENGES IN THE TEACHING OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS AND THE LEARNING OF PRESCHOOL STUDENTS**

NORZI MOHD YUSOFF<sup>1</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>2</sup>

<sup>1</sup> & <sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Corresponding authors: p109366@siswa.ukm.edu.my & isa\_hamzah@ukm.edu.my

---

Received: 17 Aug 2021

Accepted: 29 Aug 2021

Published: 30 Sept 2021

---

**Abstract:** *The transformation of technology in Teaching and Learning (PdP) occurred suddenly due to the spread of Covid Pandemic 19. Islamic Education teachers are among the communities affected by the transition of the teaching landscape from face to face to online. This study aims to identify the challenges of teaching Islamic Education Teachers (GPI) and online student learning during the period of Movement Control Order (PKP) and it is not impossible that it will continue in the future. This study uses a qualitative method approach by analyzing documents in the form of journal articles published 2016 to 2021 by using Google Scholar and ERIC databases to examine the challenges faced in implementing PdP in the period of Covid Pandemic 19. The findings show that in general the challenges can be summarized in the following aspects namely technical, academic, communication and motivation. From the unstable level of internet access, lack of device facilities, attitude and motivation as well as skills of teachers and students. The implication is that there are inequalities in the education system for students who do not have internet access and devices. However, the positive implications occur to teachers because it has sparked an extraordinary enthusiasm and effort to improve the skills of adapting technology in education more aggressively. Suggestions for improvement are identified to ensure that PdP can achieve optimal objectives even in a new normative Teaching and Learning environment.*

**Keywords:** *Online Teaching and Learning, Islamic Education Teachers, Online PdP Challenge, preschool*

**Abstrak:** Transformasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran berlaku secara mendadak akibat penularan Pandemik Covid 19. Guru Pendidikan Islam merupakan antara komuniti yang terkesan akibat peralihan landskap pengajaran daripada bersemuka kepada dalam talian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dan Pembelajaran murid prasekolah secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tidak mustahil ianya akan diteruskan pada masa akan datang. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen yang berbentuk artikel jurnal terbitan 2016 hingga 2021 dengan menggunakan pengkalan data *Google Scholar* dan *ERIC* untuk meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan PdP dalam dalam tempoh Pandemik Covid 19. Dapatan kajian menunjukkan cabaran

dapat dirangkumkan dalam aspek-aspek berikut iaitu teknikal, akademik, komunikasi dan motivasi. Dari tahap capaian internet yang tidak stabil, kekurangan kemudahan peranti, sikap dan motivasi serta kemahiran guru dan murid. Implikasinya, berlaku ketidaksamaan dalam sistem pendidikan bagi murid-murid yang tidak memiliki kemudahan capaian internet dan peranti. Namun, implikasi positif berlaku kepada guru-guru kerana ianya telah mencetuskan satu semangat dan usaha yang luar biasa berusaha mempertingkatkan kemahiran mengadaptasi teknologi dalam pendidikan dengan lebih agresif. Cadangan penambahbaikan dikenalpasti untuk memastikan PdP dapat mencapai objektif yang optimum walaupun dalam suasana Pengajaran dan Pembelajaran norma baharu.

**Kata kunci:** Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian, Guru Pendidikan Islam, Cabaran PdP dalam talian

**Cite this article:** Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah. (2021). Pandemik Covid 19: Cabaran dalam pengajaran guru Pendidikan Islam dan pembelajaran murid prasekolah [*Covid pandemic 19: Challenges in the teaching of Islamic Education teachers and the learning of preschool students*]. Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(3), 160-169.

## PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan Pandemik Covid 19 pada Januari 2020. Rentetan dari pengisytiharan wabak ini, semua sektor terjejas termasuklah sektor pendidikan. Langkah penutupan sektor pendidikan ini menyebabkan 7780 sekolah menengah dan 2440 sekolah rendah seluruh Malaysia ditutup bagi memutuskan rantaian penularan wabak yang berbahaya ini (KPM 2020). Seramai 208,131 orang murid prasekolah juga terkesan dengan situasi ini. Akibatnya, proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang telah diamalkan sejak dulu terpaksa dihentikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bermula pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan 1.0, sektor pendidikan mula mengorak langkah menggerakkan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memutuskan satu inisiatif terbaik untuk meneruskan proses pendidikan bagi semua peringkat (Nor Fauziana 2020). Dengan ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020, bertarikh 27 Mac 2020 bertajuk “Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Semasa Perintah kawalan Pergerakan (PKP) Disebabkan Penularan Jangkitan COVID-19” (KPM 2020). Surat siaran ini dilampirkan bersama Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai rujukan kepada pentadbir, guru, ibu bapa dan murid.

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ialah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di rumah, pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. Beberapa kaedah PdPR telah dicadangkan iaitu kaedah secara dalam talian, luar talian, secara *off-site*, menggunakan modul dan kaedah berasaskan projek secara berstruktur dan terancang (KPM 2020). Sepanjang tempoh penutupan institusi pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) diteruskan secara *Home Based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Pentadbir sekolah perlu memastikan guru serta murid melaksanakan PdPR. Kaedah berasaskan teknologi didapati sesuai dan lebih diminati kerana bahan penyampaian yang lebih interaktif, realiti, inovasi dan eksplorasi

(Abd Hakim et. al (2018) dan menjadi pilihan guru-guru dalam melaksanakan PdP sepanjang tempoh PKP.

Pembelajaran dalam talian secara umumnya adalah penggunaan web, alat elektronik dan sistem untuk memberi akses maklumat kepada pelajar (Pradeep Kumar Khicca et al. 2020) serta menggunakan jaringan internet dengan kebolehcapaian, penyambungan, fleksibiliti dan keupayaan untuk memunculkan pelbagai jenis interaksi pembelajaran (Sadikin et al. 2020). Ianya juga satu bentuk komunikasi yang dibina bagi memberikan kelangsungan interaksi dalam kalangan komuniti maya (Muhammad Zulazizi 2020), melibatkan komunikasi antara tenaga pengajar dengan pelajar secara tidak bersemuka malah bertemu melalui ruang maya (Oktafia Ika Handarini & Siti Sri Wulandari 2020). Bahan pembelajaran lebih bervariasi, bukan hanya dalam bentuk lisan, malah dalam bentuk visual, audio dan gerakan.

Terdapat dua kategori pembelajaran dalam talian iaitu segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*). Segerak (*synchronous*) bererti berlaku secara serentak. Proses pembelajaran terjadi serentak atau *real time* antara guru dan pelajar. Dengan cara ini, interaksi berlaku secara langsung antara guru dan pelajar dalam talian. Kedua, tidak segerak (*asynchronous*) bererti tidak berlaku secara serentak iaitu pelajar melalui proses pembelajaran berbeza dengan guru. Pelajar dapat melaksanakan pembelajaran sesuai dengan jadual dan masa yang sudah ditetapkan (Komang & Astini 2020). Platform pembelajaran dalam talian secara segerak antaranya ialah *Google meet, Microsoft teams, Zoom, Webex* manakala platform tidak segerak antaranya ialah *Google Classroom, WhatsApp, telegram, Padlet* (Muniroh Hamat et al. 2020) dan banyak lagi aplikasi yang ditawarkan.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dan murid prasekolah dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penelitian lebih tertumpu kepada peringkat prasekolah yang mula terdedah dengan PdP dalam talian. Kajian-kajian lepas lebih menfokuskan kepada peringkat pengajian tinggi memandangkan peringkat pengajian tinggi telah lama terdedah dengan pembelajaran secara dalam talian secara tidak langsung. Pelaksanaan PdP dalam talian sekaligus telah mempercepatkan agenda KPM mentransformasikan pendidikan kearah pembelajaran digital yang termaktub dalam Anjakan ke 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) iaitu Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif analisis dokumen berbentuk artikel jurnal yang berkaitan dengan isu dan fenomena yang dikaji iaitu berkaitan cabaran-cabaran Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam dan murid prasekolah sepanjang tempoh penularan Pandemik Covid-19. Kadar rujukan adalah dalam tempoh tahun 2016 hingga 2020 dengan menggunakan pelbagai pengkalan data sebagai sumber untuk mendapatkan jurnal dan artikel yang berkaitan.

## CABARAN PENGAJARAN GURU DAN PEMBELAJARAN MURID PRASEKOLAH

Guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan antara komuniti yang terkesan akibat perubahan landskap pengajaran dari bersemuka secara terus kepada pengajaran secara alam maya sepenuhnya. Para pendidik amnya dan GPI khususnya berusaha sedaya upaya untuk menggunakan pelbagai platform bagi menyampaikan isi pembelajaran. Begitu juga dengan para murid prasekolah yang dilihat sangat bersemangat menyertai pembelajaran secara dalam talian dengan sokongan dan komitmen sepenuhnya daripada ibu bapa. Namun begitu, terdapat cabaran-cabaran yang dikenal pasti datang dari pihak guru dan murid dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian sehingga Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Radzi Jidin mengeluarkan kenyataan dalam Berita Harian bertarikh 1 Julai 2020, bahawa PdP dalam talian kurang berkesan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, cabaran-cabaran yang dikenal pasti ialah:

### Capaian internet

Beberapa cabaran pengajaran dalam talian telah dikenalpasti dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Tahap kebolehcapaian internet merupakan cabaran utama dalam proses melaksanakan PdP dalam talian (Fauzi & Sastra 2020). Menurut Luqman Arif (2020), jurang agihan internet diantara bandar dan luar bandar masih pada kadar julat yang sangat besar iaitu nisbah 70:30. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Ranau Sabah terhadap cabaran pelaksanaan PdP dalam talian mendapati 58 peratus guru-guru mengalami capaian internet yang tidak stabil (Goliong et al. 2020), manakala Nor Fauziana (2020), dalam kajiannya terhadap pendidikan awal kanak-kanak menyatakan bahawa akses capaian internet yang berkualiti sangat diperlukan untuk meneruskan pengajaran asas yang digariskan dalam Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK).

Berdasarkan analisa terhadap kajian lepas, majoritinya menyatakan cabaran utama bagi guru-guru dan murid prasekolah melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian adalah tiada talian internet dan capaian internet yang tidak stabil (Fadzliyah et al. 2020). Akses internet yang agak terhad menjejaskan kelancaran Pdp dalam talian (Rosniwati et al. 2020). Kenyataan ini selari dengan dapatan dalam satu kajian yang telah dilakukan terhadap guru novis Pendidikan Islam. Pengkaji mencadangkan supaya guru-guru mestilah mengetahui tahap capaian internet pelajar samada rendah, sederhana atau tinggi sebelum memilih platform pengajaran yang sesuai. WhatsApp dan telegram merupakan platform yang sesuai bagi pelajar yang mempunyai capaian internet yang rendah (Fadzliyah et al. 2020). Kajian yang dilakukan di Pejabat Pendidikan Dearah Ranau Sabah iaitu 58 peratus guru mengalami gangguan talian internet.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam memerlukan guru menjelaskan secara terperinci berkaitan isi pelajaran terutamanya bagi topik yang memerlukan teori dan praktikal. Ketidakstabilan capaian talian internet telah menjejaskan penyampaian topik-topik tersebut (Siti Aisyah Ibrahim 2021). Contohnya, PdP berkaitan solat yang memerlukan murid memahami teori serta melakukan praktikal dengan bimbingan guru. Kajian yang dilakukan terhadap pelaksanaan kelas *tasmik* mendapati kurang berkesan apabila menghadapi masalah capaian internet yang tidak stabil kerana kualiti suara sangat penting dalam kelas *tasmik* secara dalam talian (Ashraf et al.

2020). Keadaan ini menyebabkan PdP dilihat kurang mencapai objektif dan akan menjejaskan amalan murid dalam mengaplikasikan amalan Islam dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan status liputan internet yang diperolehi, guru-guru perlu memilih kaedah sesuai supaya murid-murid dipelbagai lokasi dapat mengikuti proses pembelajaran. Bagi mengelakkan keciciran murid dalam pembelajaran, inisiatif terakhir ialah guru perlu menggunakan kaedah luar talian dengan menyediakan modul pembelajaran yang dihantar terus kepada murid atau perlu diambil di sekolah.

### **Kemudahan peranti**

Disamping itu, kelengkapan prasarana teknologi atau peranti merupakan cabaran guru Pendidikan Islam melaksanakan pengajaran terhadap murid secara dalam talian. Berdasarkan dapatan dari kaji selidik yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 36.9 peratus pelajar tidak memiliki apa-apa peranti elektronik di rumah. Faktor sosioekonomi keluarga menunjukkan perbezaan kesediaan murid terhadap pembelajaran dalam talian. Murid dari keluarga yang berpendapatan tinggi didapati lebih bersedia berbanding murid yang lahir daripada keluarga yang berpendapatan rendah kerana ibu bapa yang terjejas pendapatan akan lebih menumpukan kepada keperluan harian berbanding keperluan pembelajaran (Mohd Fairuz et al. 2020).

Kekurangan kemudahan peranti seperti komputer peribadi, komputer riba, telefon pintar dan tablet dalam kalangan guru dan murid juga telah menjejaskan proses pengajaran dalam talian (Fauzi & Sastra 2020, Maizatul 2020). Walaubagaimanapun, guru-guru didapati mempunyai kelengkapan teknologi yang lengkap berbanding murid. Berdasarkan kajian terhadap kesediaan guru dari aspek kemudahan teknologi mendapati 90 peratus guru novis Pendidikan Islam mempunyai kemudahan peranti yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran dalam talian (Fadzliyah et al. 2020).

Menurut Ashraf et al. (2020), pelaksanaan kelas Tasmik secara dalam talian tidak mencapai objektif kerana terdapat pelajar yang tidak menyertai kelas Tasmik disebabkan tidak memiliki peranti. Kajian yang telah dilakukan Daerah Ranau di Sabah menunjukkan 10.1 peratus pelajar terpaksa berkongsi telefon pintar yang dimiliki oleh ibu bapa secara bergilir-gilir dengan adik-beradik yang lain (Goliong et al. 2020). Rentetan daripada masalah ini, murid tidak mengambil bahagian dalam pembelajaran *online*.

Manakala, Nor Fauziana (2020) memberi kenyataan yang berbeza dalam kajiannya dengan mengatakan bahawa masalah peranti bukan satu cabaran dalam PdP dalam talian kerana pelbagai peranti ICT kini ditawarkan dengan kos yang berpatutan (Nor Fauziana 2020). Ianya disokong dengan statistik yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Telekomunikasi (SKMM), 98.7% rakyat Malaysia memiliki telefon pintar, 37.9 peratus memiliki komputer riba manakala 16.2 peratus memiliki komputer peribadi. Berdasarkan statistik di atas, PdP secara dalam talian sangat wajar dilaksanakan (Berita Harian 2020). Maka tidak wajar bila dikatakan peranti adalah masalah yang dihadapi bagi melaksanakan PdP dalam talian.

## **Kemahiran menggunakan peralatan teknologi**

Kepakaran serta kemahiran guru dan murid menggunakan peralatan berasaskan teknologi maklumat juga merupakan cabaran yang dikenalpasti dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Goliong et al. (2020) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa masih terdapat guru kurang mahir menggunakan peralatan teknologi dan aplikasi dalam melaksanakan pengajaran. Faktor ini menyebabkan pengendalian pembelajaran menggunakan teknologi yang berasaskan internet secara maya kurang berkesan. Sepatutnya, guru-guru perlu mempersiapkan diri dan meningkatkan penguasaan dan kemahiran dalam bidang ICT (Nor Fauziana 2020), menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, *Microsoft Office*, video dan aplikasi dalam talian sangat penting (Nur Hazirah & Masayu 2020) untuk menghasilkan PdP yang berkesan dan efektif.

Dapatan dari jurnal yang difokuskan juga menunjukkan cabaran dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian adalah guru dan kurang berkemahiran menggunakan peralatan teknologi bagi tujuan pendidikan (Nor Fauziana 2020, Maizatul 2020). Punca masalah ini adalah kerana faktor guru yang masih kurang mahir menggunakan aplikasi-aplikasi ICT samada menggunakan komputer atau telefon pintar. Ekoran dari masalah ini, maka wujudlah cabaran lain yang menjadi halangan kepada guru-guru melaksanakan PdP dalam talian iaitu mereka merasa terbeban kerana banyak evidens pembelajaran yang perlu dimuat naik, kesukaran memeriksa hasil kerja murid dan sukar berkomunikasi dengan murid (Goliong et al 2020). Menurut Nur Hazirah & Masayu (2020), terdapat guru-guru yang tidak mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi dengan lebih kreatif seperti membina perisian pendidikan, animasi dan multimedia tetapi hanya mahir menggunakannya dalam kerja-kerja pentadbiran dan pembinaan slaid powerpoint sahaja.

Menurut Nor Fauziana (2020), guru-guru perlu mempersiapkan diri dan mempertingkatkan penguasaan dan kemahiran ICT supaya PdP lebih berkesan dan efektif. Kemahiran guru dalam menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, *MS Office* dan aplikasi dalam telefon sangat penting (Nur Hazirah & Masayu 2020). Dari sisi lain, sikap adalah *mindset* untuk mengadaptasi terhadap perubahan teknologi memerlukan tempoh masa yang berbeza bagi setiap orang. Tidak semua orang boleh berubah mengikut tempoh yang ditetapkan sekalipun kesediaan teknikal dapat di atasi sepenuhnya (Mohamed Nazul 2020). Namun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat guru Pendidikan Islam yang mahir dalam penggunaan teknologi apabila terdapat kajian yang membuktikan bahawa tahap kemahiran penggunaan multimedia dalam kalangan Pendidikan Islam di sekolah menengah Negeri Selangor menunjukkan berada pada tahap tinggi (Maimun et al. 2017).

Goliong et al. (2020) menyatakan bahawa terdapat murid yang tidak mahir merujuk tugas yang diberikan oleh guru melalui aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* dan *email*. Tidak dapat dinafikan, kemudahan bahan teknologi di sekolah antara faktor yang menyebabkan tahap kemahiran menggunakannya dalam proses pembelajaran secara dalam talian. Faktor sosio ekonomi juga mempengaruhi murid untuk mempelajari peralatan berasaskan teknologi digital dalam kehidupan mereka.

## Sikap dan motivasi

Nur Hazirah & Dzainudin (2020) menyatakan dalam kajiannya, sikap dan motivasi guru dan murid juga menjadi salah satu cabaran dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Guru-guru Pendidikan Islam perlu bersikap terbuka untuk menerima segala perubahan dalam dunia pendidikan berdasarkan keperluan dan tuntutan dalam professional keguruan. Menurut Zawiah (2020), semua guru perlu bersedia dengan perubahan pendidikan yang mengadaptasi PdP berfokuskan pelajar (*self directed*), kepelbagaian sumber (*multi-source*), pendidikan jangka panjang (*life long learning*), ICT *based* serta merubah sikap dan motivasi kearah pertumbuhan minda yang terbuka (*growth Mindset*). Rosniwati (2020) menyatakan selain sikap, disiplin diri juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh guru.

Dalam beberapa kajian lain, sikap dan motivasi yang positif telah dikenal pasti. Terdapat guru yang mengambil langkah proaktif dengan membina akaun aplikasi sendiri sendiri dan memberi panduan kepada pelajar mereka untuk menyertai aplikasi tersebut (Muniroh et al. 2020) Terdapat juga kajian-kajian yang membuktikan bahawa sikap dan motivasi guru dalam mengaplikasikan PdP berasaskan teknologi berada pada tahap yang tinggi. (Masfarizan & Mohammed Yussof 2020).

Golongan murid adalah antara yang paling terkesan kerana mereka terpaksa beralih daripada amalan pembelajaran konvensional pembelajaran secara jarak jauh (Rashid et al. 2020). Muniroh et al. (2020) berpendapat bahawa murid-murid memerlukan motivasi yang tinggi daripada keluarga dan persekitarannya kerana mereka berada dibawah pemerhatian ibu bapa secara keseluruhannya. Kehadiran kelas secara virtual membuatkan murid kurang fokus dalam sesi pembelajaran ditambah dengan suasana persekitaran yang kurang kondusif dan kurang sokongan ibu bapa.

## IMPLIKASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN TERHADAP GURU DAN MURID

Melihat penularan wabak COVID 19 secara positif, ia mencetuskan satu semangat dan usaha yang luar biasa bagi pendidik khususnya Pendidikan Islam di Malaysia dalam memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan. Para pendidik berusaha sedaya upaya menjadi kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Mereka tanpa segan silu berguru bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk mendidik seiring dengan kemajuan teknologi. Guru-guru juga berusaha mempertingkatkan kemahiran mengadaptasi teknologi dalam pendidikan dengan lebih agresif. Tidak dinafikan terdapat pelbagai latihan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bertujuan mempertingkatkan kemahiran guru membina bahan pengajaran digital, namun penekanan juga harus diberikan kepada latihan kemahiran, bagaimana mengendalikan pengajaran dalam talian yang berbeza dengan pengajaran di bilik darjah dalam situasi yang terpisah di antara guru dan murid.

Namun begitu, terdapat impak negatif yang berlaku dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang kurang berkemahiran menggunakan kemudahan teknologi digital bagi tujuan pengajaran. Terdapat sebilangan guru yang kurang selesa dengan pelaksanaan pengajaran dalam talian yang

menjejaskan komunikasi antara guru dan murid (Fadzliyah et al. 2020). Ianya telah memberi kesan yang tidak stabil kepada emosi guru. Kemahiran yang terbatas dalam mengendalikan peralatan dan aplikasi teknologi juga telah menyebabkan guru mula merasa terbeban. Situasi bekerja dari rumah yang kurang kondusif juga sedikit sebanyak telah meningkatkan tekanan kepada guru kerana terpaksa menguruskan kerja dan rutin keluarga dalam satu masa yang sama.

Impak yang sangat ketara bagi murid-murid sepanjang pembelajaran dalam talian ialah keciciran pembelajaran terutamanya bagi murid yang tidak mempunyai kemudahan peranti, capaian internet, galakan dan motivasi dari ibu bapa. Kajian mendapati murid yang tercicir adalah kebanyakannya dalam kalangan yang berpendapatan rendah dan yang berada jauh di pedalaman. Situasi ini sedikit sebanyak akan menjejaskan masa depan negara yang menginspirasikan modal insan yang intelektual.

Disamping itu, motivasi dan keinginan murid untuk belajar masih rendah kerana mereka masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan situasi pembelajaran secara norma baru (Irma Mahad et al. 2021), akibatnya mereka kurang melibatkan diri dalam pembelajaran dalam talian. Segala tugas yang disediakan oleh guru juga tidak diselesaikan dengan baik menyebabkan kesukaran untuk guru membuat penilaian dan pentaksiran secara holistik terhadap pelajar. Dalam hal ini, ibu bapa sangat memainkan peranan bagi menjamin penglibatan anak-anak secara optimum dalam pembelajaran secara maya. Walaubagaimanapun, terdapat guru-guru Pendidikan Islam yang kreatif dalam melaksanakan pentaksiran dengan melaksanakan Projek Berasaskan Masalah (PBL), eksperimen, kajian kes dan sebagainya bagi memenuhi komponen pembentukan intelektual, rohani, jasmani dan emosi murid.

## KESIMPULAN

Kajian terhadap cabaran ini penting kerana ianya akan memberi impak kepada guru-guru Pendidikan Islam supaya bersedia secara fizikal dan mental untuk melaksanakan pengajaran secara dalam talian secara lebih efektif dan berkesan (Nor Fauziana 2020). Kajian ini juga akan dapat menjadi kayu ukur kepada pihak yang berautoriti bermula dari peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehinggalah peringkat sekolah agar pihak institusi dapat membuat perancangan yang teliti dan penambahbaikan dalam pelaksanaan PdP dalam talian. Disamping itu, pihak bertanggungjawab juga dapat mengambil langkah mempergiatkan lagi usaha untuk memberi latihan atau kursus kepada guru-guru Pendidikan Islam khususnya supaya lebih proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab walaupun dalam situasi yang sangat berbeza (Sylviano 2019).

Dengan ini, semua guru khususnya guru Pendidikan Islam perlu menjadikan segala cabaran yang timbul dalam melaksanakan PdP dalam talian sebagai peniup semangat untuk terus berusaha meningkatkan kompetensi diri profesional. Ianya sangat penting untuk mendepani pelajar-pelajar di abad ke-21 yang sememangnya dikenali sebagai golongan *digital native* kerana telah terdedah sejak kecil dalam kemodenan rangkaian media. Murid-murid juga secara semulajadinya mempunyai tarikan yang kuat terhadap pendominasian teknologi digital, gadget, tablet, teknologi komputer, permainan video, peranti pintar dan internet.



**RUJUKAN**

- Ashraf Ismail, Khazri Osman & Nurul Huda Hassan. 2020. Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19 110–116.
- Fadzliyah Hashim, Farah farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof. 2020. of Islamic Education and Its Impact ] 3(4): 158–169.
- Fauzi, I. & Sastra Khusuma, I.H. 2020. Teachers' Elementary School in Online Learning of COVID-19 Pandemic Conditions. *Jurnal Iqra' : Kajian Ilmu Pendidikan* 5(1): 58–70.
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M. & Yulip, N.G. 2020. Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh ( PDPCJJ ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan ( PKP ) 1–15.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. 2021. Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (Attitude and Motivation Primary School Student toward Malay Language Online Learning During Movement Control Order) 11(Mei): 16–28.
- Komang, N. & Astini, S. 2020. Tantangan Dan Peluang Pemanfaatan Teknologi Informasi Dalam Pembelajaran Online Masa Covid-19 3(2): 241–255.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2020. Manual PdP Di Rumah. Dicapai di <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-PdP-di-rumah/3727-manual-PdPdr/file>(10 April 2021)
- Maimun Aqsha Lubis, Hassan, W.N.S.W. & Hamzah, M.I. 2017. Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Acta Crystallographica Section E: Crystallographic Communications* 73(January): 594–597.
- Masfarizan & Mohammed Yussof. 2020. Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Secara Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ( PKP ) Di Daerah 213–218.
- Mohamed Nazul Ismail. 2020. Cabaran Kepimpinan Dalam Pengurusan Pembelajaran Digital 2507(1): 1–9.
- Mohd Fairuz Jafar, Hapini Awang & Mat Rahimi Yusof. 2020. Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19 (October)
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. 2020. Transformasi Media Pembelajaran Pada Masa Pandemi Covid-19 1(2): 14–26.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. 2020. Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19 (September): 23–30.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. 2020. Pandemik coronavirus (covid-19): pembelajaran dan pengajaran secara atas talian suatu keperluan di malaysia (July): 1–8. <https://www.bps.go.id/dynamictable/2018/05/18/1337/persentase-panjang-jalan-tol-yang-beroperasi-menurut-operatornya-2014.html>.

- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. 2020. Pengajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue) 9*(September): 18–28.
- Oktafia Ika Handarini & Siti Sri Wulandari. 2020. Pembelajaran Daring Sebagai Upaya Study From Home ( SFH ) Selama Pandemi Covid 19 Pembelajaran Daring Sebagai Upaya Study From Home ( SFH ) ... .. 8(1): 496–503.
- Pradeep Kumar Khicca, Shibani Soni & Manisha Solanky. 2020. The Impact of E-Learning Apps On Child's Mental Agility. *International Journal of Research in Engineering, Science and Management 3*(9): 174–181.
- Rashid, A., Aziz, A., Al, A., Shafie, H., Hamidaton, U., Soffian, M. & Nur, R. 2020. Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19 Abstrak Development Strategy of Self Well-Being to Overcome Academic Stress During COVID-19 Abstract Pengenalan 5(12): 16–30.
- RosniwatiHussin Suria Hani A.Rahman Sofia Hayati Yusuff. 2554. Communiting in tha 4th Industrial Revolution Pandemic Covid-19 and New Norms <http://library1.nida.ac.th/termpaper6/sd/2554/19755.pdf>.
- Sadikin, A., Hamidah, A., Pinang, K., Jl, M., Ma, J., Km, B., Indah, M., Jaluko, K., Kode, K.M. & Indonesia, P. 2020. Pembelajaran Daring di Tengah Wabah Covid-19 ( Online Learning in the Middle of the Covid-19 Pandemic ) 6(1): 214–224.
- Siti Aisyah Ibrahim. 2021. Pandemik Covid-19: Cabaran dan Impak Dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid 1(1): 89–94.
- Sylviano Abu Bakar. 2019. Tahap Kesiediaan Pengetahuan Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi Mudah Alih Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah 84: 487–492. <http://ir.obihiro.ac.jp/dspace/handle/10322/3933>.
- Zawiah Bahrom. 2020. Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah. *Journal of Chemical Information and Modeling 53*(9): 1689–1699.